

Akhbar dalam Pengajaran Tatabahasa

Penggunaan media sebagai alat pengajaran, telah lama diamalkan oleh guru bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik. Banyak dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan bahan media ini memberikan kesan yang memberangsangkan. Namun demikian, dalam keghairahan menggunakan akhbar sebagai bahan pengajaran, guru perlu meneliti dan menyemak bahan pengajaran agar tidak menimbulkan kekeliruan kepada murid. Selain itu, pemilihan bahan dalam akhbar hendaklah mengikut aras pencapaian murid agar objektif pengajaran mencapai matlamatnya. Untuk membolehkan guru melaksanakan tanggungjawab ini dengan lebih berkesan, kesediaan guru mempertingkatkan ilmu pengetahuan selain mempelbagaikan kaedah pengajaran perlu diberi perhatian.

Pengajaran tatabahasa yang biasanya diajarkan secara induktif di dalam kelas ada ketikanya kurang menarik dan membosankan. Berdasarkan kaedah ini, aspek tatabahasa biasanya diajarkan melalui penerangan tentang hukum atau rumus tatabahasa terlebih dahulu, sebelum dibincangkan contoh khusus kepada murid. Dalam menangani situasi seperti ini, pengajaran tatabahasa perlulah dipelbagaikan bentuknya. Oleh itu, berbagai-bagai pendekatan dan kaedah telah dan sedang dilaksanakan guru bagi menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, seperti penggunaan media di bilik darjah.

Menurut Mohd. Dahlan dan Rabi'atul Adawiyah, media merujuk alat dan bahan yang digunakan oleh guru untuk membantu murid mencapai objektif pembelajaran yang mencakupi kemahiran, pengetahuan, nilai dan sikap. Alat pengajaran yang dimaksudkan meliputi papan tulis, buku, majalah, akhbar dan televisyen manakala bahan pengajaran meliputi bahan prosa, puisi grafik dan sebagainya.

Pengajaran Menggunakan Bahan Media

Bahan pengajaran dapat memberikan kesan tertentu kepada keberkesanan pembelajaran. Menurut James W. Broen, K.D. Noberg dan S.K. Srygley, kesan positif didapati daripada bahan media,

1. Menjadikan pembelajaran lebih produktif. Penggunaan media dapat mempercepat kadar pembelajaran.
2. Menjadikan pengajaran lebih bersifat individu. Media yang digunakan dengan baik akan membuka kemungkinan kepada penggunaan

teknik pembelajaran yang lebih banyak. Murid dapat belajar berasaskan keupayaan mereka sendiri.

3. Menjadikan pengajaran lebih berkesan. Dalam proses penghasilan sesuatu bahan media, penyelidikan dan kajian dilakukan terlebih dahulu.
4. Membolehkan pembelajaran menjadi lebih aktif dan bertenaga. Media dapat merangsang persekitaran pembelajaran dan dapat membawa peristiwa yang berlaku di tempat yang jauh.
5. Mempercepat pembelajaran. Media dapat mendekatkan jurang antara dunia luar dengan bilik darjah.
6. Menjadikan pendidikan lebih seimbang. Menerusi media, murid di kawasan pedalaman akan berpeluang untuk mempelajari bahan yang sama seperti murid di bandar.

Matlamat dan Teknik Pengajaran Tatabahasa Mohd. Isha semasa membentangkan kertas kerja dalam Konvensyen Munsyi Dewan IV, menjelaskan bahawa pengajaran tatabahasa mempunyai matlamat adalah untuk membolehkan murid berkomunikasi dalam konteks tertentu.

Menurut beliau, penggabungan pengajaran tatabahasa dalam konteks sebenar akan menggalakkan murid untuk berfikir secara kritis terhadap pembelajaran bahasa. Dalam hal ini, guru boleh menggunakan kelebihan ini untuk memberikan penerangan dengan lebih berkesan bagi setiap aspek tatabahasa dengan:

1. Mengajarkan topik tatabahasa yang telah ditentukan dengan tujuan memudahkan pemahaman murid.
2. Mengehendkan masa dengan memberikan tumpuan kepada penerangan aspek tatabahasa, khususnya kepada murid yang lemah.
3. Mempersembahkan aspek tatabahasa dalam bentuk penulisan atau secara lisan.

Aspek penting dalam pengajaran tatabahasa ialah aspek menyediakan contoh yang sesuai. Guru harus merancang dengan memberikan contoh yang sesuai berdasarkan dua prinsip, iaitu:

1. Guru perlu memberikan contoh dengan menggunakan bahasa yang tepat, sesuai dengan latar budaya setempat dan berkaitan dengan topik perbincangan.
2. Guru perlu memberikan tumpuan kepada tema atau topik khusus bagi membolehkan murid mempunyai maklumat dan perbendaharaan kata yang khusus.

Berdasarkan model kecekapan komunikasi, pembelajaran tatabahasa merupakan sebahagian daripada pembelajaran bahasa. Oleh itu, guru hendaklah mengajarkan bentuk dan struktur bahasa dengan mengaitkan makna dan penggunaan kata tersebut dalam bentuk komunikasi yang diperlukan oleh murid.

Pendekatan pengajaran tradisi:

- Guru mengajarkan bentuk kata kerja aktif dan kata kerja pasif.
- Guru menyenaraikan bentuk kata kerja berkenaan yang perlu dihafal.
- Murid diminta membuat latihan.

Pendekatan kecekapan komunikasi:

- Guru menyediakan petikan yang menggunakan kata kerja aktif dan kata kerja pasif.
- Guru dan murid berbincang tentang bentuk kata kerja aktif dan pasif yang terdapat dalam petikan.
- Murid diminta membaca petikan.
- Guru menyoal murid tentang perkara yang tidak difahami.
- Murid berbincang secara berpasangan atau berkumpulan.

- Murid diminta menukarkan bentuk kata kerja aktif kepada bentuk pasif dan sebaliknya berdasarkan petikan yang dibaca.

Dalam setiap peringkat kemahiran, penguasaan bahasa akan sering melakukan kesilapan, khususnya penggunaan yang bukan penutur jati bahasa Melayu. Bagi menangani aspek ini, guru perlu berhati-hati dengan tidak hanya mencari kelemahan semata-mata hingga menjejaskan keyakinan murid terutama dalam berkomunikasi. Guru seharusnya memberikan peluang kepada murid untuk mengenal pasti kesilapan mereka dan kesilapan tersebut diperbetul. Guru diharap dapat membantu dengan meningkatkan keyakinan diri murid tanpa terlalu menumpukan bentuk tatabahasa.

Strategi Penggunaan Bahan Akhbar

Md. Ghazalli sewaktu membentangkan kertas kerja dalam Konvensyen Pendidikan Bahasa Melayu, telah menggariskan kaedah penggunaan akhbar di bilik darjah:

1. Persediaan guru
Sebelum memulakan pengajaran, guru perlu memikirkan nilai yang ada pada bahan itu dan tujuan penggunaannya. Pertimbangan juga harus diberikan kepada kehendak, keperluan dan minat murid. Guru harus memilih bahan pengajaran yang baik dan kesesuaiannya mengikut tahap pencapaian murid.
2. Persediaan bilik darjah
Keadaan kelas yang bersih dan kondusif mendorong proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar. Penggunaan makmal bahasa, pusat sumber, bilik tayang akan memberikan suasana yang berbeza kepada murid. Peralatan moden, seperti paparan hablur cecair (LCD) dengan animasi yang menarik, mampu meningkatkan tumpuan murid di dalam kelas.
3. Persediaan murid
Guru perlu memberikan arahan tugas yang jelas kepada murid sebelum bahan digunakan. Hal ini termasuklah penerangan tentang objektif dan tujuan penggunaan bahan tersebut. Jika terdapat perkataan baharu dalam kandungan bahan tersebut, guru perlu menjelaskan maksud istilah atau perkataan tersebut. Guru

juga sewajarnya memberitahu murid tentang aktiviti susulan dan latihan yang akan dijalankan selepas penggunaan bahan tersebut, jika ada.

4. Pengendalian bahan

Bahan yang digunakan dalam pengajaran perlu sesuai, baik, menarik dan berkesan. Cara pengajaran dan gaya penerangan guru terhadap bahan tersebut penting bagi menambahkan minat murid dalam pengajaran tatabahasa. Reaksi murid ketika mengikuti penyampaian pelajaran hendaklah diawasi. Jika terdapat murid yang mula menunjukkan tanda bosan, usaha untuk menarik perhatian murid di bilik darjah juga perlu difikirkan.

5. Ulang kaji

Salah satu cara yang boleh digunakan ialah cara menggulung isi pelajaran secara menyeluruh. Perkara sebegini dapat dibuat dengan mengajukan beberapa pertanyaan. Kaedah penyalaian dapat menjadikan murid lebih aktif di bilik darjah. Di samping itu, guru juga boleh merakamkan perkara penting supaya mereka dapat mendengarnya semula semasa ulang kaji pelajaran dijalankan.

6. Aktiviti susulan

Banyak aktiviti yang boleh difikirkan oleh guru dan yang dicadangkan oleh murid selepas menggunakan bahan semasa. Misalnya, guru dapat melaksanakan beberapa aktiviti yang ada kaitan dengan kandungan bahan secara berkumpulan. Aktiviti sedemikian dapat memberikan peluang kepada murid untuk menggunakan pengetahuan yang baru dipelajarinya.

7. Penilaian

Kesemua perancangan yang dicadangkan tersebut hendaklah dibuat penilaian. Untuk mencapai tujuan ini, guru perlu menjalankan ujian kepada muridnya atau menyediakan borang penilaian atau menyoal murid secara rawak bagi menilai keseluruhan perancangannya. Dengan adanya penilaian, guru akan dapat mengesan kelemahan, sama ada dari segi pengajaran ataupun pemilihan bahan yang digunakan, selain berusaha untuk mengatasi kelemahan tersebut. Usaha murni ini amat membantu meningkatkan prestasi dan pencapaian murid.

Cabaran Penggunaan Akhbar

Laras laporan berita dalam akhbar mempunyai disiplin yang tersendiri. Ure dan Ellis mengungkapkan

laras sebagai jenis bahasa yang digunakan dalam situasi yang berlainan. Halliday pula mendefinisikan laras bahasa sebagai variasi bahasa yang berbeza berdasarkan fungsi. Bahan berita yang padat termuat dalam ruang yang terhad, menyebabkan ayat yang dibina kurang gramatis. Pengguguran imbuhan, pemilihan perkataan yang kurang sesuai, penggunaan kata ganti nama diri yang tidak tepat dan sebagainya perlu diberikan penjelasan kepada murid agar pengajaran tatabahasa memberikan kesan baik kepada murid. Dalam hal ini, jika kurang diberi perhatian, beberapa keadaan seperti yang berikut akan memberikan cabaran terhadap proses pengajaran dan pembelajaran:

1. Penggunaan imbuhan

- Sementara itu, Hashim berkata, KLMU **mensasarkan** 50 peratus atau 6,250 pelajar antarabangsa menjelang 2013. (UM, 03/10/11)

- Kerajaan Indonesia **menghadkan** perbelanjaan para petugas di pejabat-pejabat pentadbiran kerajaan tempatan ... (UM, 14/09/11)

(Kesalahan penggunaan imbuhan awalan kata kerja dengan kata dasar.)

2. Ayat kurang gramatis

- Beliau berkata, turut dimajukan projek perumahan generasi baru warga FELDA di setiap wilayah FELDA di seluruh negara bermula tahun ini dan dijangka siap dalam tempoh **satu setengah tahun**.

3. Struktur ayat pasif

- Nurhayati Ahmad, 49, yang bemiaga di bazar Ramadan itu sejak 10 tahun lalu, berkata dia menjual kuih muih bersaiz mini pada harga RM1 untuk 10 biji seperti mana **arwah ayahnya lakukan** dulu. (BH, 14/08/11)

- Dengan lain perkataan ketua-ketua negara Eropah mesti melakukan sesuatu ke atas masalah hutang yang **mereka hadapi** termasuk masalah sistem perbankan atau malapetaka akan mendatangi mereka semua. (UM, 16/10/11)

(Kesalahan struktur ayat pasif untuk kata ganti nama diri ketiga yang dianggap sama bentuknya dengan kata ganti nama diri pertama dan kedua.)

4. Percampuran kod

- Kerja membina dan menaik taraf 12 **venue** bagi pelbagai acara dipertandingkan sepatutnya bermula April lalu... (BH, 04/08/11)

(Penggunaan bahasa Inggeris yang digunakan sewenang-wenangnya.)

5. Hukum D-M

- HCFC merupakan bahan pemusnah ozon (BPO) dan juga gas rumah kaca yang selalu dijumpai dalam sistem pendinginan seperti **penghawa dingin**, peti sejuk... (UM, 12/10/11)

- ...walaupun pemeriksaan serta sekatan dikenakan begitu ketat, ini bermakna produk-produk yang sama juga mampu menembusi pasaran **lain-lain negara** di seluruh dunia. (UM, 17/10/11)

(Dalam Hukum D-M, inti hendaklah mendahului penerang.)

6. Penggunaan kata tanya

- Data diperoleh daripada Norton Online Family Report 2010 juga melaporkan hanya empat daripada 10 ibu bapa mengetahui **apa** dilayari anak mereka dalam internet. (BH, 12/10/11)

- "Ini komitmen kami kepada masyarakat untuk menyediakan akses perbankan tanpa mengira **di mana** mereka berada,"... (BH, 17/10/11)

(Kata tanya tidak sesuai digunakan dalam penyata.)

7. Penjodoh bilangan

- GEORGETOWN, 17 Oktober – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang telah menahap **23 nelayan warga Indonesia** kerana menceroob dan menangkap ikan... (UM, 17/10/2011)

(Penjodoh bilangan hendaklah digunakan selepas kata bilangan tentu.)

8. Penggunaan kata pemer

- "Bagi saya pelanggan **adalah** jiran yang paling rapat dan sekiranya kami mampu memberi kesejahteraan kepada mereka... (UM, 17/10/11)

- Turut dilakukan **ialah** menaik taraf kemudahan sukan di Wisma Belia (RM6 juta)... (BH, 04/08/11)

(Kata pemer ialah digunakan di hadapan kata/frasa nama manakala kata pemer adalah digunakan di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama.)

9. Aspek kesantunan

Esok, **Najib** dijangka melakukan kunjungan hormat ke atas Emir Qatar, Sheikh Hamad Khalifa Al-Thani manakala **Rosmah** pula mempunyai acara berasingan melawat sebuah pusat pendidikan di sini. (UM, 15/05/2011)

(Penggunaan kata panggilan hormat beliau digunakan untuk orang yang dihormati.)

Memilih dan menggunakan bahan sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran merupakan usaha yang mencabar. Teori pembelajaran bahasa banyak bersetuju bahawa pembelajaran bahasa yang dibantu dengan bahan pengajaran seperti petikan akhbar, bukan sahaja berkesan dan menarik, bahkan menjadikan pembelajaran lebih mudah dan menyeronokkan. Hal ini menunjukkan bahawa bahan pengajaran yang baik akan menentukan hasil pembelajaran yang maksimum. Dalam hal ini, guru digalakkan untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka dengan memilih bahan yang sesuai bagi memenuhi keperluan murid yang berbeza dari segi kecenderungan, kemampuan berfikir dan kebolehan. Kesiediaan para guru berkongsi pengalaman dan memikirkan strategi dalam menangani cabaran di bilik darjah, sekurang-kurangnya dapat merungkai cabaran yang dihadapi. Kita sememangnya maklum bahawa yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang. PB